

**MAQASID AL-SUNNAH SEBAGAI KONSEP WASATIYYAH DAN
SEIMBANG DALAM MEMAHAMI HADIS NABI SAW**

***MAQASID AL-SUNNAH AS A CONCEPT OF WASATIYYAH AND
BALANCE IN UNDERSTANDING THE HADITH OF THE PROPHET
(PBUH)***

Muhammad Masruri*

Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Mahyuddin Ismail

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah,
26300 Kuantan Pahang, Malaysia.

Faisal Husen Ismail

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia,
Minden, 11800, Penang, Malaysia.

Ahmad Baha Mokhtar

Faculti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali,
Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan,
BE 1310 Brunei Darussalam.

**Corresponding Author's Email: masruri@uthm.edu.my*

Article History:

Received : 19 March 2025

Accepted : 10 April 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Masruri, M., Ismail, M., Husen Ismail, F. & Mokhtar, A. B. (2025). Maqasid Al-Sunnah Sebagai Konsep Wasatiyyah dan Seimbang dalam Memahami Hadis Nabi SAW. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 274-292.

ABSTRAK

Hadis Nabi SAW merupakan sumber utama hukum Islam selepas al-Quran. Ia perlu difahami dan diamalkan secara sederhana dan seimbang bagi kemaslahatan dan kesejahteraan umat manusia. Namun, pada hari ini ramai dalam kalangan umat Islam di Nusantara yang memahamkan hadis secara liberal dan melampau, serta terkeluar daripada kaedah yang ditetapkan para ulama. Artikel ini menggunakan metodologi analisis konten bagi membincangkan mengenai pemahaman dan aplikasi

hadis melalui pendekatan konsep Maqasid al-Sunnah. Pendekatan memahamkan hadis Nabi SAW melalui Maqasid al-Sunnah sepertimana tujuan dan maksud hadis tersebut disampaikan kepada pendengar adalah bagi mendapatkan kefahaman wasatiyyah dan seimbang. Ianya dapat diketahui melalui kaedah dan kajian yang telah dijalankan oleh para ulama dalam bidang hadis, usul fiqh dan bidang lain. Antara kaedah tersebut adalah pendekatan memahami hadis melalui kaedah asbab al-wurud dan kontekstual serta penjelasan atau syarah hadis oleh ulama muktabar. Antara matlamat kaedah ini adalah agar sesuatu hadis boleh difahami dan diaplikasikan secara holistik, seimbang, sesuai keadaan zaman dan tempat, serta mudah diterima seluruh umat Islam. Dengan menggunakan pendekatan Maqasid al-Sunnah ini diharapkan pemahaman yang melampau, keras, liberal dan radikal boleh ditangani dan dikawal dengan baik sehingga membawa kepada kedamaian dan kesejahteraan seluruh umat manusia.

Kata kunci: maqasid al-sunnah, hadis, wasatiyyah, seimbang

ABSTRACT

The Hadith of the Prophet (PBUH) as a Source of Islamic Law: A Maqasid al-Sunnah Approach to Wasatiyyah and Balanced Understanding. The Hadith of the Prophet (PBUH) is the primary source of Islamic law after the Quran. It must be understood and practiced in a moderate and balanced manner for the benefit and well-being of humanity. However, in the present day, many Muslims in the Nusantara region interpret Hadith in either a liberal or extreme manner, deviating from the methodological principles established by scholars. This article employs a content analysis methodology to discuss the understanding and application of Hadith through the Maqasid al-Sunnah approach. Understanding the Hadith of the Prophet (PBUH) through Maqasid al-Sunnah—considering the purpose and intent behind the Hadith—aims to cultivate a wasatiyyah (moderate) and balanced comprehension. This can be achieved through the methodologies and studies conducted by scholars in Hadith, Usul al-Fiqh, and other Islamic disciplines. Among these methodologies is the approach of understanding Hadith through asbab al-wurud (circumstantial context) and contextual analysis, as well as the interpretations or commentaries provided by authoritative scholars. This approach aims to ensure that Hadith can be comprehended and applied holistically, in a balanced manner, suitable to the context of time and place, and readily accepted by the entire Muslim community. By adopting the Maqasid al-Sunnah approach, it is hoped that extreme, rigid, liberal, and radical interpretations can be effectively addressed and controlled, ultimately fostering peace and well-being for all of humanity.

Keywords: maqasid al-sunnah, hadith, wasatiyyah, balanced

1.0 PENGENALAN

Kehidupan masyarakat di Nusantara yang terdiri daripada beragam suku, budaya dan agama dipenuhi dengan pelbagai dugaan dan cabaran. Syariat Islam diturunkan sebagai panduan umat manusia dengan membawa rahmat dan kedamaian kepada seluruh alam tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit. Ianya merupakan panduan terbaik bagi membimbing umat manusia mendapatkan kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat melalui konsep kesederhanaan. (Redzuan Othman & Mashitah, 2014).

Ajaran Islam merupakan agama *rahmatan lil alamin* yang membenci dan melarang perselisihan, pergaduhan dan perpecahan. Namun realitinya perbalahan dan perpecahan masih terus berlaku dari semasa ke semasa. Munculnya beberapa pemikiran liberal dan melampau dalam memahami sumber rujukan Islam merupakan antara punca lahirnya fahaman tersebut. Lebih merisaukan lagi terdapat ideologi yang menganggap golongan tidak sehaluan dengan mereka sebagai sesat dan menyeleweng (Faizuri Abd. Latif & Faisal, 2014). Pemikiran ini lahir berpunca daripada kurangnya pengetahuan yang mencukupi dalam memahami sumber hukum Islam tersebut.

Padahal sekiranya mengkaji sejarah, agama Islam merupakan agama pemurah yang melarang perbuatan kejahatan, sikap melampau berlebihan dan radikalisme (Said Agil Husin Munawwar & Abdul Mustaqim, 2001). Syariat Islam diturunkan kepada umat manusia sebagai pedoman dan panduan meliputi seluruh aspek kehidupan harian dan diamalkan dengan saling menghormati dan menghargai perbezaan golongan, suku, bangsa serta perbezaan pandangan (Ahmad Omar Hashim, 2014). Allah SWT telah menurunkan syariat Islam sebagai panduan bagi hambaNya dengan disertai dengan tujuan-tujuan tertentu bagi kemaslahatan mereka.

Hadis sebagai sumber utama Islam setelah al-Quran serta rujukan utama dalam pengambilan hukum Islam perlu difahami dengan baik dan benar sehingga tidak memberikan erti yang menyeleweng, menyesatkan serta keluar daripada pangkal yang digariskan oleh syarak. Ianya perlu difahami dan diaplikasikan dengan menggunakan konsep keseimbangan, sederhana, tidak ekstrim atau radikal. Daripada memahami hadis secara sudut pandang yang berbeza melahirkan pelbagai pemikiran dan aliran yang beragam.

Terdapat pemahaman yang mengikut makna zahir sahaja, mengikut makna liberal atau terlalu berlebihan. Setiap hadis yang disampaikan Rasulullah SAW mempunyai maksud dan tujuan tertentu mengikut situasi pendengaran dan sesuai dengan realiti semasa. Pendekatan maqasid al-Sunnah merupakan antara alternative memahami hadis secara sederhana, wasatiyyah dan seimbang bagi mengawal dan menangani fahaman melampau, liberal atau terlalu mengikut erti secara zahir dalam memahami hadis Nabi SAW atau dalam amalan agama.

Artikel ini bertujuan bagi menghurai pembahasan mengenai pendekatan *Maqasid al-Sunnah* melalui konsep kesederhanaan, wasatiyyah dan seimbang dalam memahami suatu hadis Nabi SAW.

2.0 MAQASID DALAM ISLAM

Maqasid dari sudut bahasa merupakan kata jamak *maqсад* (المقصد) yang berasal daripada perkataan *qasada* (قصد) yang membawa maksud jalan yang lurus atau adil atau menuju ke suatu arah (Ibn Mnzur, 2009). Dalam Islam istilah *maqasid* merujuk kepada objektif dan tujuan Islam yang bersifat menyeluruh serta matlamat yang mendasari ketetapan undang-undang dalam Islam (Ibn Ashur, 2001). Ianya meliputi tujuan umum berkenaan penjagaan syariat mengenai hukum hakam Islam, tujuan khusus berhubung tujuan hukum tertentu berkenaan maslahat dan tujuan juz atau sebahagian berkenaan hukum syarak yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Pendekatan *maqasid* tidak hanya tertumpu kepada perundangan Islam namun meliputi matlamat dan tujuan Islam. Sekiranya terdapat pendapat atau tafsiran yang bercanggah, maka ulama hendaklah mempertimbangkan dan menentukan pendekatan mana yang paling sesuai dengan tujuan atau matlamat tersebut (Kamali, 2006). Keseimbangan antara hak individu dan keperluan masyarakat perlu dijaga dan dilindungi (Al-Qaradawi, 2002).

Antara *maqasid* dalam Islam iaitu *Maqasid al-Quran*, *Maqasid al-Syariah* dan *Maqasid al-Sunnah*. Menurut Ibn Ashur, *maqasid* dalam Islam terdiri daripada dua komponen asas iaitu: *maqasid al-'ala* yang bertujuan bagi memperbaiki individu dan masyarakat serta *maqasid al-asliyyah* yang merupakan tujuan asal daripada setiap perkara. *Maqasid al-Quran* merupakan tujuan-tujuan utama diturunkan al-Quran bagi memenuhi keperluan umat manusia atau ilmu tersendiri yang berfungsi bagi memahami wacana al-Quran berdasarkan tujuannya. (al-Raysuni, 2013). *Maqasid al-Syariah* bermaksud dasar yang ditetapkan Islam dalam memelihara kesucian agama, menjamin kemuliaan, keharmonian dan kesejahteraan hidup manusia, di samping mengelak dan menghindarkan segala bentuk kemudaratan hidup (Ibn Ashur, 2001). Ia juga bermaksud tujuan-tujuan syariat serta rahsia-rahsiannya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada setiap hukum-hakam (Allal al-Fasi, 1993). *Maqasid al-Sunnah* secara umum berhubung dengan masalah seluruh umat manusia di dunia dan akhirat meliputi konsep adil, rahmat, tasamuh, mudah dan bersifat kemanusiaan. Ia merupakan suatu tujuan yang perlu direalisasikan oleh *al-sunnah* dalam kehidupan manusia (al-Dawsari, 2018). Maqasid atau tujuan syariah tersebut meliputi *al-daruriyyat*, *al-hajiyyat* dan *al-tahsiniyyat*. (al-Shatibi 2007). Pemahaman maqasid sebagai pendekatan yang lebih seimbang dan holistik mengenalpasti objektif teras dan tujuan ajaran serta amalan Islam. Bagi mengetahui suatu maqasid dalam Islam, terdapat beberapa kaedah antaranya:

- i. Melalui analisis terhadap dalil yang jelas daripada al-Quran atau hadis nabi SAW (Ibn Ashur, 2001).
- ii. Analisis terhadap penggunaan hukum-hakam syariat yang telah diketahui penyebabnya seperti larangan melamar perempuan yang telah dilamar orang lain, serta beberapa hukum yang mempunyai sebab yang bersamaan.
- iii. Melalui petunjuk daripada kefahaman para sahabat dalam memahami al-Quran dan al-Sunnah secara lafaz, makna, serta tujuan (Yusuf al-Alam, 1991).

3.0 MAQASID AL-SUNNAH

Maqasid al-Sunnah secara amnya sangat erat hubungannya dengan *maqasid al-Quran* iaitu bertujuan bagi menjelaskan tujuan syariat yang meliputi konsep adil, rahmat, tasamuh, mudah dan bersifat kemanusiaan (al-Raysuni, 2013). *Maqasid al-Sunnah* ditakrifkan sebagai tujuan atau objektif yang bersifat langsung maupun tidak langsung daripada hadis Nabi SAW selari dengan tujuan al-Qur'an untuk kemaslahatan umat manusia di dunia dan akhirat (Salah, 2021). *Maqasid al-Sunnah* mengandungi tujuan umum dan tujuan khusus. Tujuan umum iaitu tujuan berkenaan semua masalah berhubung dengan realiti kehidupan harian manusia mengenai hukum-hakam syariat manakala tujuan khusus merupakan tujuan berkenaan masalah hukum syariat khas. *Maqasid al-Sunnah* atau tujuan yang ada dalam suatu hadis sangat berhubung erat dengan *maqasid al-syariah*. Hubungan al-sunnah dengan *maqasid al-shariah* meliputi:

- i. Syariat Islam bersumber daripada al-Quran dan al-Sunnah oleh itu tujuan syariat perlu selari dengan tujuan al-Quran dan al-Sunnah.
- ii. Tujuan dan matlamat yang terkandung dalam sesuatu hadis Nabi SAW merupakan penjelasan bagi objektif yang dikehendaki daripada al-Quran berkenaan beberapa hukum hakam.
- iii. Nabi SAW merupakan orang yang paling mengetahui tujuan dan matlamat al-Quran. Oleh itu adalah suatu keperluan mengetahui maksud sabda Nabi SAW yang menjelaskan tujuan teks al-Quran.
- iv. Terdapat hadis Nabi SAW yang menyendiri dalam menjelaskan sesuatu hukum dan tiada disebut dalam al-Quran (al-Raysuni, 2019).
- v. *Maqasid al-Shariah* merujuk kepada matlamat dan tujuan asas yang ingin dicapai oleh syariah (Afridi, 2016). *Maqasid al-Sunnah* merujuk kepada matlamat asas al-Sunnah sebagaimana dalam dalam matan Hadith. Ia sebagai panduan memahami dan mengaplikasikan al-Quran, serta sumber akhlak dan etika bagi umat Islam (Salah, 2021).

Menurut pandangan al-Dahlawi (2005) *maqasid al-sunnah* merupakan ilmu yang membahas tentang hikmah dan tujuan suatu hadis disampaikan serta masalah ditetapkan hukum hakam. Ia meliputi empat aspek utama iaitu: taharah, kesejahteraan spiritual, tasamuh, dan keadilan (al-Dahlawi, 2005). Bagi memperolehi matlamat yang mendalam berhubung *maqasid al-sunnah*, ianya perlu dihubungkan dengan asas kefahaman dalam *maqasid al-sunnah*. Antaranya meliputi:

- i. asas manhaj *Rubhaniyyah* daripada aspek sumber dan manhaj yang bermatlamat bagi kesejahteraan umat manusia bersifat seimbang mengikut masa dan tempat,
- ii. sempurna dan menyeluruh, sebagai penjas bagi al-Quran,
- iii. wasatiyyah, sederhana dan seimbang,
- iv. memudahkan dan bertolak angsur,
- v. menolak mudarat dan mendahulukan perkara yang mengandungi manfaat,
- vi. kekal dan berterusan (al-Dawsary, 2021).

Aplikasi al-sunnah dalam kehidupan sebagaimana dinyatakan oleh al-Qaradawi (2005) perlu meliputi asas menyeluruh, seimbang, sempurna, sesuai dengan realiti dan memudahkan. Oleh itu, ianya perlu melalui beberapa pendekatan iaitu:

- i. Meneliti kesahihan hadis secara sanad dan matan mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh pakar hadis yang dipercayai.
- ii. Memahami hadis dengan baik daripada aspek bahasa, kontekstual ataupun asbab al-wurud.
- iii. Tidak bercanggah dengan al-Quran atau hadis lain yang kedudukannya lebih kukuh.

4.0 PENDEKATAN KONTEKSTUAL MEMAHAMI HADIS NABI SAW

Pemahaman hadis menggunakan pendekatan kontekstual adalah memahami hadis-hadis Nabi SAW dengan memerhati dan mengkaji situasi atau kejadian yang melatarbelakangi hadis-hadis tersebut disampaikan kepada pendengar (Edi Safri, 1990). Penjelasan kontekstual sebagai suatu penjelasan terhadap hadis Nabi SAW sama ada perkataan, perbuatan mahupun ketetapan berdasarkan situasi dan kondisi ketika hadis tersebut disampaikan kepada pendengar. Hal ini supaya ianya dapat dihubungkan dengan realiti dan situasi yang berlaku pada masa ini mengikut perkembangan ilmu pengetahuan moden (Ilyas, 2000).

Pendekatan kontekstual ini meliputi tiga aspek utama iaitu sejarah, sosiologi dan antropologi. Pendekatan aspek sejarah melalui kaedah *asbab al-wurud* dilaksanakan dengan mengaitkan idea atau gagasan yang terkandung dalam hadis dengan latar belakang sejarah yang melingkunginya. Pendekatan sejarah ini memberi tumpuan kepada persoalan mengenai sebab Nabi SAW menyampaikan sabdanya, serta keadaan sejarah dan konteks sosio-budaya masyarakat pada zaman tersebut. Pendekatan aspek sosiologi merupakan pendekatan yang memfokuskan kepada perilaku manusia itu sendiri. Pendekatan aspek antropologi merupakan pemahaman asal usul manusia secara saintifik meliputi perkembangan fizikal daripada sisi budaya, ras, adat resam serta kepercayaan (Faisal, 2011). Prinsip pengajaran dan nilai asas yang terdapat dalam *al-sunnah* sentiasa memperhatikan perbezaan antara individu dengan orang lain, persekitaran dan perbezaan kaum. Baginda Nabi SAW sentiasa mengambil berat situasi dan realiti keadaan masyarakat semasa menyampaikan hadisnya. Antara perkara yang diperhatikan oleh Nabi SAW semasa menyampaikan hadisnya ialah:

- i. Keperluan atau tujuan individu yang meminta nasihat,
- ii. Sikap dan perwatakan individu yang bertanya,
- iii. Menyesuaikan kemampuan setiap individu yang menerima hadis mengikut kesesuaian keadaannya,
- iv. Mengambil kira sebab sesuatu perkara (al-Qaradawi, 2005).

Menurut Abu al-Laith al-Khayr Abadi (2009), dalam mengaplikasikan pendekatan kontekstual ini terdapat beberapa keadaan yang perlu diperhatikan. Antara perkara tersebut iaitu keadaan darurat dan pengecualian, maslahat dan kepentingan orang ramai, perubahan sifat yang berlaku pada masa ini serta mempertimbangkan urf dan adat yang berlaku.

5.0 ASBAB AL-WURUD SEBAGAI METODE MEMAHAMI HADIS NABI SAW

Hadis Nabi SAW sebagai sumber utama kedua dalam Islam perlu difahami dan diamalkan mengikut panduan dan metodologi yang komprehensif bagi memperolehi pemahaman yang lebih mendalam berkenaan teks hadis. Antara pendekatan memahami hadis secara komprehensif adalah melalui pendekatan *asbab al-wurud*. (Nasaruddin Umar 2014). Hal ini bagi mendapatkan nilai akhlak dan teladan Nabi SAW yang bersifat universal bagi pedoman umat Islam dalam kehidupan harian dengan mengamalkan ajaran Islam sebaik-baiknya.

Asbab al-wurud merupakan sesuatu kaedah yang digunakan bagi menentukan maksud yang terkandung dalam suatu hadis, sama ada baik yang bersifat umum atau khusus, *mutlaq* atau *muqayyad* (al-Sayuti, 1984). Menurut Nur al-Din 'Itr (1981) memberi pandangan *asbab wurud* sebagai kaedah yang membincangkan peristiwa yang terjadi pada masa kemunculan hadis. Menurut Abu Syahbah (2006) pendekatan *asbab al-wurud* melibatkan pembahasan mengenai sebab-sebab Nabi SAW melafazkan hadis tersebut yang meliputi soalan, cerita serta peristiwa yang berlaku semasa Nabi SAW menyampaikan hadis kepada pendengar. Pemahaman hadis melalui pendekatan *asbab al-wurud* memberi dimensi baru dalam khazanah pemikiran ilmu hadis. *Asbab al-wurud* timbul kerana beberapa sebab yang melatarbelakangi hadis tersebut. Antaranya sebab yang berhubung dengan ayat al-Quran, sebab yang berhubung dengan hadis lain, atau sebab yang berhubung dengan pendengar dari kalangan sahabat. Selepas pernyataan bahawa mereka belum memahami ayat atau hadis yang disabdakan oleh Nabi SAW, maka datanglah penjelasan lain daripada Nabi SAW berkenaan hadis tersebut (al-Suyuti 1984). *Asbab wurud* al-hadis diketahui dengan kaedah-kaedah:

- i. Melalui riwayat hadis Nabi, sama ada perkataan perbuatan, atau perakuan Nabi SAW.
- ii. Melalui informasi para sahabat yang mendengar dan berinteraksi dengan Nabi SAW.
- iii. Melalui ijtihad sekiranya tidak dijumpai *asbab al-wurud* yang jelas atau adanya pertentangan makna antara satu hadis dengan makna al-Quran atau dengan hadis lain. (Mohd Asri 2005).

Hadis sebagai sumber rujukan utama Islam setelah al-Quran al-Karim merupakan elemen yang penting dalam keilmuan Islam yang perlu difahami secara terperinci dan mendalam dengan pendekatan yang lebih komprehensif. Ketika mencoba memahami suatu nilai yang terkandung dalam hadis, maka tidak cukup hanya dengan melihat konteks matan hadis sahaja. Ianya perlu memperhatikan aspek sejarah yang melatarbelakangi sesebuah hadis, kepada siapa hadis itu disampaikan, dan bagaimana situasi sosial atau budaya semasa hadis tersebut disampaikan Nabi SAW (Said Agil, 2001). Ianya juga perlu mengambil kira mengenai hadis-hadis yang secara zahirnya bercanggah namun realitinya tidak demikian. Pemahaman yang mengetepikan ilmu *asbab al-wurud* dapat menyebabkan pemahaman hadis hanya berlandaskan kepada makna tekstual sahaja boleh membawa pemahaman yang keliru atau menyimpang dari pemahaman yang sebenar (al-Qaradawi, 2012).

Untuk memahami hadis dengan betul dan tidak hanya melihat zahir hadis sahaja, perlu diperhatikan perkara-perkara yang berkaitan dengan perkara yang mengitari hadis tersebut. Antara perkara tersebut adalah mengetahui bila hadis itu disabdakan dan untuk tujuan apa hadis tersebut disabdakan. Dengan menggunakan kaedah ini maka hadis boleh difahami sebagaimana yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW (al-Qaradawi, 1990). Pemahaman hadis melalui pendekatan *asbab al-wurud* merupakan antara kaedah memahami hadis secara wasatiyyah dan seimbang serta bagi menjadikan suatu pengajaran hadis difahami sesuai dengan kehendak syarak. Sebagai ilmu sebahagian dalam kajian hadis, *asbab al-wurud* mempunyai peranan yang besar dalam memahami maksud suatu hadis secara lebih baik. Corak pemikiran *asbab al-wurud* ini bersesuaian dengan konsep keseimbangan dalam memahami hadis yang diaplikasikan dalam kehidupan masa kini.

6.0 KONSEP WASATIYYAH DALAM MEMAHAMKAN HADIS NABI SAW

Perkataan wasatiyyah mempunyai berbagai maksud dan pemahaman yang sangat luas bergantung kepada matlamat dan tujuan. Konsep wasatiyyah sebagai suatu sikap yang membawa maksud keseimbangan dan keadilan yang mengambil pemahaman daripada bimbingan dan pengajaran Rasulullah SAW kepada para sahabat serta umat Islam dalam mengaplikasikan ajaran Islam dalam kehidupan harian (Al-Sallabi 2001). Konsep wasatiyyah merupakan antara solusi menangani permasalahan yang dihadapi umat Islam dengan memahami wahyu dalam al-Quran atau hadis Nabi SAW sebagai sumber utama syariat Islam secara seimbang dan toleran serta mengedepankan nilai kemanusiaan. (Ardiansyah 2016). Manhaj yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW merupakan manhaj yang membawa kearah seimbang dan pertengahan (*wasatiyyah*) oleh itu ianya sangat di benci dan dijauhi oleh golongan yang bersikap ekstrim. (Karen Armstrong 2001). Dalam hadis yang diriwayatkan imam Ibn Majah dalam sunannya Rasulullah SAW melarang umatnya melaksanakan amalan atau ibadah secara berlebihan, Baginda SAW bersabda:

إِيَّاكُمْ وَالْعُلُوَّ فِي الدِّينِ ، فَإِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِالْعُلُوِّ فِي الدِّينِ

Maksudnya: *Janganlah kamu bersikap melampau (berlebih-lebihan) dalam agama, sesungguhnya kaum sebelum kamu telah binasa kerana sikap melampau (berlebih-lebihan) dalam agama* (al-Nasa'I 1997, vol. 5, no. 3037)

Al-Quran dan al-Sunnah merupakan panduan utama umat Islam yang perlu difahami dengan bijaksana. Dalam memahami suatu amalan, fahaman atau pemikiran pastinya perlu merujuk kepada pengajaran Nabi SAW, demikian juga berhubung konsep wasatiyyah yang diamalkan oleh umat Islam. Wasatiyyah dalam agama bukanlah semangat untuk memudah-mudahkan ajaran Islam atau meringankan-ringankan, tetapi tidak terlalu ketat dan tidak pula terlalu longgar (al-Qaradawi, 2012). Keseimbangan dalam bersikap ini akan membawa kepada suatu pemahaman

yang bertolak ansur dan mudah diterima oleh ramai kalangan umat Islam. (Zaenal Kling, 2020). Allah SWT telah menjadikan umat Islam sebagai umat pilihan dan terbaik. Oleh yang demikian umat Islam juga perlu memiliki pemahaman dan pemikiran yang terbaik pertengahan dan seimbang. Firman Allah SWT surat al-Baqarah ayat 143:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ
عَلَيْكُمْ شَاهِدًا ۗ

Maksudnya: *Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu (al-Baqarah: 143).*

Menurut Ibnu Jarir al-Thabari (2001) ayat ini memberi pengertian bahawa sebaik-baik perkara adalah yang seimbang dan pertengahan. Umat Islam dijadikan sebagai umat pertengahan dan adil yang akan menjadi saksi bagi para nabi dan umat terdahulu. Umat pertengahan dalam ayat di atas bermaksud umat terbaik dan umat pilihan. (Ibnu Katsir 2000) Sedangkan al-Baghawi (1994) dalam tafsirnya mengatakan bahawa maksud umat pertengahan adalah pengikut agama yang adil, tidak berlebih-lebihan dalam beribadah dan bersikap seimbang dalam mengamalkan agama. Umat Islam dijadikan Allah sebagai umat terbaik yang sentiasa bersikap seimbang dan mengambil jalan tengah dalam setiap urusan agama. (Al-Sa'di 2000)

Wasatiyyah dalam Islam merangkumi semua aspek kehidupan manusia meliputi tingkah laku, interaksi sosial, masalah kewajipan dalam beribadah (Redzuan & Mashitah, 2014). Ahmad Omar Hasyim (2004) menyatakan bahawa umat Islam merupakan umat terpilih dan terbaik, Allah SWT telah memberi kenikmatan dengan menjadikan umat Islam sebaik-baik umat. Demikian juga Ka'bah sebagai sebaik-baik tempat untuk beribadah. Dakwah Islam merupakan konsep dakwah yang seimbang, pertengahan, tiada paksaan dan tidak melampaui batas.

Terdapat beberapa hadis yang membincangkan mengenai konsep wasatiyyah dalam kehidupan para sahabat. Sepertimana dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam sahihnya daripada Abu Harairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

لَنْ يُنَجِّيَ أَحَدًا مِنْكُمْ عَمَلُهُ " . قَالُوا وَلَا أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ " وَلَا أَنَا،
إِلَّا أَنْ يَتَعَمَّدَنِي اللَّهُ بِرَحْمَةٍ، سَدِّدُوا وَقَارِبُوا، وَأَعِدُّوا وَرُوحُوا، وَشَيْءٌ مِنْ
الدُّجَةِ. وَالْقَصْدَ الْقَصْدَ تَبَلَّغُوا

Maksudnya: *Amal seseorang diantara kamu tidak akan menyelamatkannya*". Sahabat bertanya: "Demikian engkau, wahai Rasulullah?" Baginda bersabda: "Begitu juga aku, melainkan Allah mengurniakan rahmat-Nya kepadaku. Maka beribadahlah mengikut sunnah dan seimbang, jangan berlebihan, beribadah kepada Allah pada waktu pagi dan petang. Bangunlah untuk beribadah pada akhir waktu malam. Ikutlah jalan pertengahan, tetaplah mengikut jalan seimbang dan pertengahan, maka kalian mencapai matlamat (al-Bukhari no. hadis 6463).

Hadis ini memberi pengajaran mengenai sikap seimbang, sederhana dan tidak berlebihan dalam melakukan ibadah harian (al-Asqalani, 2000). Ia juga memberi pengajaran kepada umat Islam untuk bersederhana, pertengahan, seimbang dan tidak memaksakan diri dalam melaksanakan ibadah. Badruddin al-Ayni (2001). Umat Islam digalakkan untuk sentiasa melaksanakan ibadah yang bersesuaian dengan kemampuan mereka. Sebaik-baik ibadah adalah yang sederhana seimbang dan istiqamah/berterusan. Dalam suatu hadis dijelaskan bahawa Rasulullah SAW memberi teguran kepada Muaz bin Jabal karena membaca surah yang terlalu panjang dalam solat ketika menjadi imam Solat Isyak. Perkara ini boleh memberatkan kepada makmum yang terdiri dari belbagai latar keadaan (al-Bukhari, hadis no. 670). Rasulullah SAW juga pernah memberi teguran kepada seorang sahabat kerana telah melakukan puasa sepanjang tahun, solat malam sepanjang malam dengan mengabaikan hak isteri (al-Bukhari, hadis no. 1867). Hal ini menunjukkan pada zaman awal Islam semasa Baginda SAW masih hidup terdapat beberapa sahabat yang mengamalkan ibadah secara berlebihan sehingga perkara ini mendapat teguran langsung daripada Rasulullah SAW.

al-Qaradawi (2011) menyatakan bahwa konsep wasatiyyah yang diaplikasikan dalam kehidupan harian perlu memenuhi beberapa elemen antaranya; seimbang, berterusan, terbaik, selamat, kemauan kuat dan kesatuan. Elemen ini sebagai cerminan pendekatan wasatiyyah yang seimbang dalam semua aspek kehidupan dengan mendahulukan sesuatu yang mengandungi manfaat dan menjauhi mudarat. Konsep wasatiyyah merupakan sikap memilih jalan pertengahan dan seimbang mengedepankan prinsip toleransi dan menerima perbezaan dengan tidak memaksakan kehendak (Al-Qaradhawi, 2012). Tujuan utama wasatiyyah dalam Islam adalah bagi mendapatkan nilai keadilan, akhlak yang cemerlang, menjauhi sikap yang berlebihan, menjauhi perkara yang boleh membawa mudarat dan menyebabkan kesukaran serta menjadi beban terhadap diri dan orang lain. (Kamal Hassan, 2011). Ini bermaksud bahawa konsep wasatiyyah meliputi perpaduan keseimbangan, keadilan, kebaikan, toleransi, kerjasama, menghargai perbezaan, menerima kepelbagaian budaya atau etnik.

7.0 APLIKASI PEMAHAMAN HADIS MELALUI PENDEKATAN MAQASID AL-SUNNAH

Pendekatan *Maqasid al-Sunnah* dalam memahami hadis Nabi yang diamalkan dalam kehidupan harian merupakan antara solusi mengawal pemikiran melampau dan berlebihan dalam amalan agama. Pendekatan ini boleh dijalankan mengikut

kaedah asbab al-wurud, kontekstual hadis dan penjelasan serta pengajaran hadis. Dalam tulisan ini penulis akan memberikan huraian beberapa hadis melalui pendekatan maqasid al-sunnah bagi memperoleh pemahaman yang wasatiyyah dan seimbang untuk diamalkan dalam kehidupan masyarakat.

7.1 Hadis Tentang Jihad

Perkataan jihad menurut Bahasa mempunyai banyak maksud. Ibn Manzur (2009) dalam Lisan al-Arab, menyatakan bahawa kata jihad berasal dari kalimah jim-ha-da yang memberi maksud menghadapi kesusahan dan mengerah usaha. Jihad menurut istilah antaranya ditakrifkan sebagai kemampuan untuk berjuang pada jalan Allah SWT dengan nyawa, harta, lisan dan lain-lain. (al-Kasani 2002). Ia juga memberi maksud mencurahkan sepenuhnya usaha bagi meninggikan kalimah Allah serta menegakkan masyarakat Islam. (al-Bouti 1993). Jihad mempunyai makna luas dengan lebih menekankan pada kedamaian, spritualitas dan moralitas. (Khoiriyah 2020). Maksud jihad meliputi tiga aspek: (1) jihad dalam mempelajari, mengamalkan, serta mengajarkan agama. (2) jihad melawan syaitan dan hawa nafsu, (3) jihad sebenar terhadap orang kafir dan fasik. (Abd al-Fattah 1994) Asena Karipek (2004) memandang makna sebenar jihad sebagai usaha sungguh-sungguh di jalan Tuhan serta seluruh kehidupan Muslim.

Perbezaan pandangan mengenai maksud jihad berdasarkan kepada hadis Nabi SAW:

أَمَرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ،
وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ، فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ
إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ، وَحَسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ

Maksudnya: *Aku diperintahkan supaya memerangi manusia sehingga mereka naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad utusan Allah, mendirikan solat dan membayar zakat. Apabila mereka telah berbuat demikian, maka mereka telah memelihara darah dan harta mereka daripadaku, melainkan dengan hak Islam, hisab perhitungan amal mereka terserah kepada Allah SWT (al-Bukhari no. 2946)*

Makna hadis di atas sekiranya difahami secara zahir makna sahaja berpotensi membawa kepada pelbagai perbezaan pandangan. Hadis ini jika dilihat daripada makna zahir mengandungi maksud bahawa Baginda Nabi SAW akan terus berperang melawan orang-orang yang enggan memeluk Islam serta mereka yang meninggalkan ajaran Islam tanpa tiada terkira. Pemahaman hadis secara melampau bahkan mengarah kepada perbuatan ekstrem dan boleh menyebabkan terjadinya ketidakdamaian dalam kehidupan masyarakat hari ini. Sebagaimana pandangan beberapa kumpulan Islam aliran keras yang melakukan pelbagai tindakan melampau dengan mengkafirkan golongan lain yang tidak satu haluan dan boleh diperangi.

Konsep jihad demikian adalah menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar. Tuduhan mengkafirkan orang lain adalah amalan yang ditentang dalam (Hussam 2017). Hal ini sepertimna dijelaskan dalam hadis : Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا قَالَ الرَّجُلُ لِأَخِيهِ يَا كَافِرٌ فَقَدْ بَاءَ بِهِ أَحَدُهُمَا

Maksudnya: *Sesiapa yang berkata kepada saudaranya; "Wahai Kafir" maka ia boleh kembali kepada salah satu daripada keduanya.* (al-Bukhari no. 6103).

Hadis di atas memberi maksud bahawa sekiranya ada seseorang menuduh orang lain tanpa ada bukti kukuh atau pertuduhan palsu maka hukum kafir boleh kembali kepada orang yang menuduh. Amalan mudah mengkafirkan sesama umat Islam merupakan antara factor munculnya fahaman melampau dalam Islam (Tariq 2010). Fahaman ini biasanya mudah mengkafirkan sesama muslim yang melakukan maksiat, menganggap masyarakat yang tidak melaksanakan hukum atau syariah Islam adalah kafir. Mereka menyempitkan maksud jihad dalam konsep memerangi secara fizik (Fauzi Hamat 2016). Timbulnya idea-idea Islam yang melampau atau radikal dalam kehidupan masyarakat merupakan antara punca utama ekstrimisme dalam kehidupan. (Kristopher et al. 2006). Sikap ekstrim dan provokatif dalam berhadapan dengan isu-isu semasa telah menjadi ancaman kepada keutuhan hubungan antara agama dan kaum dalam masyarakat majmuk (Khairul Azhar et al. 2020).

Manusia merupakan makhluk Tuhan yang mulia. Allah SWT memuliakan seluruh umat manusia tanpa kecuali, tanpa membeza-bezakan agama, suku bangsa, bahasa dan budaya serta keturunan. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.* (al-Isra, 17:70).

Dalam ayaat di atas dinyatakan bahawa Allah memuliakan seluruh keturunan Nabi Adam keseluruhan tanpa terkecuali dengan pelbagai kemuliaan. Oleh itu Islam melarang perbuatan melampau, ekstim, segala tindakan kekerasan, sama ada jasmani atau rohani. Allah SWT juga melarang umat manusia melakukan perbuatan menghina dan merendahkan orang lain sepertimana dijelaskan dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَحْسَبُوا
وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ؕ أَيُّحِبُّ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; (al-Hujarat:12).*

Perkara ini juga disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya:

إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ، فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الحَدِيثِ، وَلَا تَحْسَبُوا، وَلَا تَحْسَبُوا، وَلَا
تَنَاجَشُوا، وَلَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا

Maksudnya: *Jauhilah prasangka buruk, prasangka buruk adalah perkataan paling dusta, janganlah saling diam, janganlah mencari-cari kesalahan, saling mendengki, saling membelakangi, serta saling membenci, tetapi jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara. (al-Bukhari no. 6066).*

Daripada penjelasan ayat al-Quran dan hadis di atas dinyatakan bahawa perbuatan prasangka buruk, membenci merupakan perbuatan yang ditegah oleh Allah SWT apatah lagi perbuatan menuduh kafir dan musyrik, merupakan perbuatan yang perlu dijauhi dalam Islam. Orang Islam hanya akan memerangi orang yang bermusuhan dan berbuat jahat kepada Islam serta memerangi mereka yang mengganggu cara hidup umat Islam hingga perbuatan tersebut dihentikan dan membiarkan kehidupan damai (Mansoureh et al., 2021). Oleh demikian sekiranya teks hadis Nabi SAW berkenaan jihad di atas difahamkan secara seimbang dengan melihat kepada tujuan hadis disampaikan kepada pendengar, situasi semasa hadis disampaikan serta dikaitkan dengan reality semasa maka tidak akan timbul fahaman melampau dalam memahami hadis Nabi SAW.

7.2 Hadis Tentang Bidaah

Pada hari ini perbincangan mengenai bidaah merupakan antara isu yang masih timbul dan diperdebatkan oleh sebahagian besar kalangan umat Islam. Para ulama berbeza pandangan mengenai maksud sebenar perkataan bidaah. Terdapat kumpulan yang bertegas dengan pandangannya dan terdapat kumpulan yang bersikap pertengahan serta seimbang dalam memahami maksud bidaah. Antara faktor yang menyebabkan timbulnya fenomena perbezaan pemahaman bidaah dalam masyarakat adalah pandangan masing-masing berhubung hadis Nabi SAW, antaranya:

مَنْ أَحَدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

Maksudnya: *Sesiapa yang mengadakan pembaharuan dalam urusan kami ini (agama) yang bukan berasal darinya, maka ianya tertolak.*"
[Riwayat al-Bukhari (2697) dan Muslim (1718)]

Hadis ini merupakan hadis masyhur yang diketahui oleh ramai kalangan masyarakat Nusantara. Terdapat dua golongan yang berbeza pendapat berhubung hadis di atas. Golongan yang bertegas menyatakan bahawa semua amalan pembaruan dalam Islam sama ada akidah, ibadah ataupun adat merupakan bidaah yang sesat (Firdaus Khairi 2015). Golongan ini lebih mengedapankan fahaman secara literal. Pandangan mereka berdasarkan kepada pendapat al-Shatibi yang menyatakan bahawa bidaah ialah jalan yang direka di dalam agama, yang menyerupai syariah bertujuan untuk berlebihan dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT (al-Shatibi 2007). Amalan yang tiada dalam al-Quran dan hadis dianggap sebagai amalan menambah-nambah dari kedua-duanya serta dikira sesat. Perkara ini disokong hadis:

أَمَّا بَعْدُ فَإِنَّ خَيْرَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ وَخَيْرُ الْهُدَى هُدَى مُحَمَّدٍ وَشَرُّ الْأُمُورِ
مُحَدَّثَاتُهَا وَكُلُّ بَدْعٍ ضَلَالَةٌ

Amma ba'du. Sesungguhnya sebaik-baik perkataan adalah Kitab Allah, sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Nabi Muhammad SAW, seburuk-buruk perkara adalah perkara baharu dan setiap bidaah adalah sesat (Muslim no. 1885).

Sekiranya hadis diberi makna secara lafaz sahaja niscaya membawa makna bahawa setiap amalan yang tidak disebutkan dalam hadis maka ianya ditolak atau ditegah. Hal ini kerana setiap amalan barudalam Islam dikira sebagai bidaah yang keluar daripada asas Islam dan sesat. Memandangkan demikian maka hampir keseluruhan umat Islam di seluruh dunia telah mengamalkan amalan baharu berkenaan ibadah umum atau ibadah khusus. Apatah lagi pada hari ini dimana semua aspek kehidupan tidak lepas daripada pembaharuan. Namun demikian sekiranya hadis difahamkan menggunakan pendekatan *maqasid al-sunnah* melalui pendekatan wasatiyyah dan seimbang maka akan diketahui makna holistik, maksud dan tujuan hadis tersebut. Pemahaman hadis secara kontekstual ini membawa pemahaman yang lebih seimbang dan selaras dengan reality keadaan masyarakat yang mendengar hadis Nabi tersebut. Pendekatan *maqasid al-sunnah* melibatkan makna holistik yang terkandung dalam hadis, tuuan dan sejarah hadis ini disebutkan oleh Rasulullah SAW, serta hadis lain yang ada hubung kait dengan hadis di atas. Terdapat hadis yang mempunyai hubungan erat dengan hadis di atas iaitu:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ
أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا
وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْءٌ

Maksudnya: *Sesiapa yang membuat amalan kebaikan dalam Islam maka baginya pahala dan pahala orang yang mengamalkannya, dengan tanpa mengurangi pahala mereka sedikit pun. Dan sesiapa yang membuat amalan keburukan dalam Islam maka baginya dosa dan dosa orang yang mengamalkannya, tanpa mengurangi dosa mereka sedikit pun.* (Muslim No.2219).

Perkara-perkara yang tidak dilakukan oleh Nabi SAW kerana tidak wujud pada masanya atau tiada sebab yang mendorong kewujudannya. Namun demikian kewujudannya pada hari ini tidak semestinya bertentangan dengan syariat Islam dan ianya adalah antara tanda-tanda perkembangan dalam bidang ilmu dan ketamadunan. Oleh itu ia hendaklah dinilai terlebih dahulu menerusi kaedah dan tujuan syariat Islam. Apa-apa yang selari dangannya maka ia diterima dan apa-apa yang menyalahinya maka ia ditolak. Demikian itu adalah bidang ijtihad yang tidak tertutup, kerana ia hanya mempraktikkan *al-qawa'id al-Syar'iyah* kepada perkara-perkara cabang agama yang baru yang sememangnya tidak pernah selesai. (Allal al-Fasy).

8.0 KESIMPULAN

Syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW merupakan wahyu Allah SWT yang diturunkan ke bumi sebagai panduan bagi seluruh umat manusia dengan berkonsepkan *ramatan lil alamin*. Hadis Nabi SAW sebagai sumber utama Islam selepas al-Quran, mesti difahami dan disampaikan kepada pendengar menggunakan pendekatan wasatiyyah dan seimbang bagi mengelak daripada memberikan pengertian yang melampau dan menyesatkan. Kemunculan fahaman melampau dan liberal berpunca daripada pemahaman hadis Nabi SAW yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan oleh para ulama. Ideologi yang terlalu keras, melampau, dan liberal adalah ideologi yang boleh membahayakan perpaduan dan keharmonian masyarakat dan negara. Natijahnya, ia mesti ditangani dengan segera. Islam sebagai agama yang membawa kedamaian seluruh alam semesta sentiasa memberikan penyelesaian terbaik untuk mengatasi kemunculan fahaman ekstrem, radikal, atau liberal. Pendekatan maqasid al-Sunnah dengan memahamkan hadis mengikut panduan ulama melalui kaedah kontekstual atau kaedah *asbab al-wurud* menjadikan suatu hadis difahami mengikut konsep wasatiyyah dan seimbang. Ianya merupakan antara strategi mengawal kefahaman melampau dalam amalan beragama. Pemahaman dan aplikasi *maqasid al-sunnah* melalui pendekatan nilai wasatiyyah, toleransi dan seimbang akan membawa kepada keamanan dan kesejahteraan hidup seluruh umat manusia.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai sepenuhnya oleh dana penyelidikan Tier 1 (Q400), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Sumbangan Pengarang

Masruri, M., Ismail, M., Husen Ismail, F. dan Mokhtar, A. B., kesemua penulis yang terlibat secara menyeluruh dalam keseluruhan proses penerbitan artikel ini, bermula daripada pembangunan idea, pengumpulan dan analisis data, penulisan manuskrip, semakan literatur, sehingga kepada penyuntingan akhir sebelum penghantaran artikel kepada penerbit.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Mustaqim. (2008). *Ilmu Ma'anil Hadis Paradigma Interkoneksi; Berbagai Teori dan Metode Memahami Hadis Nabi*. Yogyakarta: Idea Press.

Abdul Halim & Muhamad, A. (2017). Reviving The Wasatiyyah Values For Inter-Religious Harmony in Plural Societies. *Jurnal al-Tamaddun*, 12(2), 13-24.

Abu Abd al-Fattah Aliy ibn Haj. (1994). *Fasl al-Kalam fi Muwajahat Dhulm al-Hukkam*. Beirut: Dar al-Uqab.

Abu al-Layth al-Khayr Abadi, Muhammad. (2009) *'Ulum al-Hadith Asiluha wa Mu'asiruha*, Selangor: Dar al-Shakir.

Abdul Kadir, F. K., Embong, R. & Fadzli Adam. (2015). Salah Faham Terhadap Konsep Bidaah Dalam Ketamadunan Masyarakat Islam, *Proceedings of ICIC2015*, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

Affy Khoiriyah. (2020). *Konsep Jihad: Antara Normatifitas Dan Historisitas*. al-Afkar, Journal for Islamic Studies. 3(1). DOI: https://doi.org/10.31943/afkar_journal.v3i1

Afridi, M. A. (2016). Maqasid al-Shari'ah and Preservation of Basic Rights Under the Theme "Islam and Its Perspectives on Global & Local Contemporary Challenges". *Journal of Education and Social Sciences*, 4(June), 275-285.

Ahmad Munawar Ismail & Siti Madihah. (2020). Reaksi Masyarakat Islam di Malaysia terhadap Ekstremisme. *ISLĀMIYYĀT*, 42(1), 103-112. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-4201-12>.

Ahmad al-Raysuni. (2019). *Maqasid al-Shariah fi Daoi al-Sunnah al-Nabawiyyah al-Sharifah*. London: Muassasah al-Furqan li al-Turath al-Islami.

Ahmad Shah, F. (2011). Pendekatan Kontekstual Dalam Memahami Hadith-Hadith Nabi SAW. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 4(Julai), 101-120.

- Asena Karipek. (2020). Portrayals of Jihad: A Cause of Islamophobia. *Islamophobia Studies Journal*, 5(2), 210-255.
- Allal al-Fasy. (1993). *Maqasid al-Shar'iyah al-Islamiyyah wa makarimiha*, Rabat: Dar al-Gharb al-Islamy
- Al-Asqalani, Ibn Hajar. (2000). *Fath al-Barī Sharh Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ayni, Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud ibn Ahmad. (2001). *Umdah al-Qari*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Baghawi, al-Imam al-Muhaddith al-Faqih Al-Husayn ibn Mas'ud. (1993). *Sharh al-Sunnah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bouti, Mohammed Said Ramadan. (1993). *al-Jihād fī al-Islām: Kayf Nafhamuhu wa Kayf Numārisuhu*. Dimashq: Dār al-Fīkr.
- Al-Bukhari, al-Imam al-Hafiz Abi Abd Allah Muhammad ibn Isma'il. (2002). *al-Jami al-Sahih*. Beirut: Dar Ibn Kathir
- Al-Dahlawi, Shah Wali Allah. (2005). *Hujjat Allah al-Balighah*, ed. Sayyid Sabiq, Cairo: Dar al-Jil,
- Al-Dawsary, Mahmud Ahmad. (2001) *'Azamah al-Sunnah a-Nabawiyyah*. Riyad: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Kasani, Abu Bakar Mas'ud. (2002). *Badai'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Bairut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Munawi, Muhammad bin Abd al-Rauf. (1980). *Al-Tawqif ala Muhimmat al-Ta'arif*. Bairut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2002). *Kayf Nata'amal Ma'a Al-Quran Al-'Azeem* Cairo: Dar al-Shorouk.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (1997). *Al-Sunnah Masdar li Ma'rifah wal Hadharah*. Cairo: Dar al-Syuruq.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2005) *Kaifa Nata'âmalu ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah*, 2nd ed. Kairo: Dar al-Syuruq.
- Al-Qaradawi, Yûsuf. (2012). *Fiqh al-Wasatiyyah wa al-Tajdid fī al-Islām*. Cairo: Dar al-Shuruq.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2011). *Kalimah fī al-Wasatiyyah al-Islamiyyah wa Ma'alimiha*. Cairo: Dar al-Shuruq.
- Al Qaradhawi, Yusuf. (2004). *Kalimat fī Takrimih wa Buhuth fī Fikrih wa Fiqhih Muhdatan Ilaih bi Munasabat Bulughih al-Sabiin*. ,Cairo: Dar al-Salam.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (1998). *An-Niqab Lil Mar'ah Baina Qaul bi Bid'iyyatihi wa Qaul bi Wujubihi*. Beirut: Al-Maktab Al-Islami.
- Al-Qurtubi, Abi Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr. (2006). *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Bayrut: Muassasah Resalah.
- Al-Razi, al-Imam Muhammad Fahr al-Din. (1981). *al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib*. Beirut: Dar fikr.
- Al-Razi, Abd Qadir, M. (1995). *Mukhtar al-Sihah*. Bayrut: Maktabah Lubnan.
- Al-Sallabi, Ali Muhammad. (2007). *al-Wasatiyyah fī al-Quran al-Karim*. Cairo: Muassasah Iqra Li al-Nashr wa Tawzi wa al-Tarjamah.
- Al-Sadi, Abd al-Rahman ibn Nasir. (2000). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al Manan*. Bayrut: Muassasah al-Resalah.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq. (2007). *al-T'tisam*. Beyrut: Dar al-Athriyah,

- Al-Suyuti, Jalal ad-Din. (1984). *Asbab Wurud al-Hadis aw al-Luma' fi Asbab al-Hadis*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad. (2001). *Tafsir al-Tabari*. Giza: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasah al-'Arabiyyah wa al-Islamiyyah Dar Hajr.
- Ardiansyah. (2016). Islam Wasatiyah Dalam Perspektif Hadis: Dari Konsep Menuju Aplikasi Mutawâtir. *Jurnal Keilmuan Tafsir Hadis*, 6(2).
- Ashur, M. T. (2001). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Bairut: Dar Ibn Hazm.
- Edi Safri. (1990). al-Imam al-Syafi'i: Metode Penyelesaian Hadith-Hadth Mukhtalif, *Tesis Fakultas Pascasarjana*, IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Faisal Asaari et.al. (2018). *Wasatiyyah Ialah Keseimbangan Dalam Beragama Bukan Kesederhanaan*. Prosiding seminar antarabangsa pengurusan & kepimpinan: Isu dan Cabaran. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fairuzabadi. Nuhammad ibn Ya'kub. (2008). *al-Qamus al-Muhit*. Cairo: Dar al-Hadith
- Hashim, A. O. (2004). *Al-Tasyri' al-Islamy: Masadir wa Hasaisihi*. Cairo: Atlas li al-Nasyr wa al-Intaj al-I'lami.
- Hussam S. Timani. (2017). *Takfir in Islamic Thought*. Lexington Books.
- Ibn Kathir, Imad al-Din Abi al-Fida' Ismail. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Giza, Kaherah: Muassasah Qurtubah.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Mu'ammad ibn Mukarram. (2009). *Lisan al-Arab*. (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ilyas Husti, (2000), *Pemahaman Hadis Secara Kontekstual: Suatu Telaah Terhadap Asbab al-Wurud dalam Kitab Sahih Muslim*. Pekan Baru: Susqa Press
- Faizuri Abd. Latif & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2014). Pemikiran Kesederhanaan Dalam Isu-Isu Akidah Menurut Sheikh Zainal Abidin Al-Fatani. *Afkar* 15(2014). 45-68.
- Hanafiah, M. G. (2019). Isu Membidaahkan Amalan Masyarakat Melayu: Analisis Wacana Media Massa. *Jurnal Komunikasi*, 35(2), 68-86.
- Kamali, M. H. (2008). *Maqasid al-Shariah: The Objectives of Islamic Law. The International Institute of Islamic Thought (IIIT)*. Washington, United States.
- Karen Armstrong. (2001). *Islam: A Short History*, London: Phoenix Press.
- Robison, K. K., et al. (2006). Ideologies of Violence: The Social Origins of Islamist and Leftist Transnational Terrorism. *Social Forces*, 84(4), 2009-2026.
- Mansoureh Ebrahimi et al. (2021). Understanding Several Characteristics of Islam and Good Muslim: A Study of University Students in Malaysia. *Journal of Islamic Thought and Civilization (JITC)*. 11(1), 22-42. DOI: <https://doi.org/10.32350/jitc.111>.
- Marzuki, S. (2014). Aurat Wanita Muslimah: Hukum Dan Batasan Berdasarkan Pandangan Empat Mazhab. Universiti Utara Malaysia.
- Meerangani, K. A., et al. (2020). Pendekatan Wasatiyyah dalam Interaksi Inter-Agama di Malaysia. *MANU*, 31(2), 19-46.
- Mohd Aizam Mas'od. (2013). *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa Di Malaysia*. Putrajaya: Penerbit JAKIM.
- Mohd Fauzi, Hamat. (2016). *Menangani ekstremisme menurut pendekatan Ahlu Sunnah Wal Jama'ah*. In: *Seminar Anti Ekstremisme Melalui Pendekatan Wasatiyyah*, 8-9 Ogos 2016, Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah, Kampus Kolej Universiti Insaniah Kuala Ketil, Kedah Darul Aman

- Mohd Kamal Hassan. (2011). *Voice of Islamic Moderation From the Malay World*. Ipoh: EMIR
- Mohd Khairul Naim. (2017). Kajian Kritis Hubungan Agama & Pemikiran Terorisme. *Afkar*, 19(2). 73-106.
- Mohd Shukri Hanapi. (2014). The Wasatiyyah (Moderation) Concept in Islamic Epistemology: A Case Study of its Implementation in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 4(9).
- Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi. (1944). *Al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfaz al-Qur'an*. Cairo: Dar al-Kitab al-Misriyyah.
- Muchlis M. Hanafi. (2013). *Moderasi Islam*. Jakarta: Pusat Studi al-Qur'an.
- Muslim, al-Imām al-Hafiz Abi al-Husayn Muslim ibn al-Hajaj al-Naysaburi. (2006). *Al-Jami al-Sahih*. Riyad: Dar al-Taybah
- Mustafa Dayb & Muhyiddin Misto. (2010). *Al-Wafi Syarh Arba'in al-Nawawi*. Damaskus: Dar al-Mustafa.
- Muhammad Asri Zaenal Abidin. (2005). *Sabab Wurud al-Hadith; Dawabit wa Ma'ayir*. Kuala Lumpur: IIUM.
- Muhammad Abu Shahbah. (2006). *al-Wasit fi Ulum Wa Mustalah al-Hadith*. Cairo: Dar al-Hadith.
- Muhammad Abu al-Laith al-Khayr Abadi. (2011). *Ulum al-Hadith: Asiluha wa Mu'asiruha*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah Nashirun.
- Muhammad Said al-Ashmawi. (1998). *Against Islamic Extremism: the Writings of Muhammad Said al-Ashmawi*. Florida: University Press of Florida.
- Nuraleyah Abdul Hamid, et al. (2019). Kefahaman Hadis Musykil oleh Golongan Islam Liberal. *Jurnal al-Turath*, 4(1), 2019.
- Nasaruddin Umar. (2014). *Deradikalisasi Pemahaman al-Qur'an dan Hadits*. Jakarta: Elex Media Komputindo.
- Nur al-Din Itr. (1981). *Manhaj al-Naqd fi Ulum al-Hadith*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Othman, M. R. & Sulaiman, M. (2014). Inculcating The Essence Of 'Wasatiyyah' In Muslim Society: The State Promotion And Muslim Intelligentsia Responses In Malaysia. Al-Shajarah: *Journal of The International Institute of Islamic Thought and Civilization*. 19(2).
- Munawwar, S. A. H. & Abdul Mustaqim. (2001). *Asbabul Wurud Study Kritis Hadits Nabi Pendekatan Sosio, Histories, Kontekstual*. Yogyakarta: PT. Pustaka Pelajar.
- Salah, M. M. (2021). The Objectives of the Prophetic Sunnah. *Journal al Faraid in Islamic and Arabic Studies*. Al Azhar University.
- Seyyed Hossein Nasr. (2004). *The Heart of Islam: Enduring Values for Humanity*. Oxford: HarperCollins.
- Teungku Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. (2001). *Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadits*. Semarang: Pustaka Rizki Putra.
- Tariq Muhammad Njib al-Lahham. (2010). *Rihlah al-Tatarruf min al-Takfir ila al-Taffir*. Beirut: Dar al-Mashari li al-Tiba'ah wa al-Nash wa al-Tawzi'.
- Yusuf al-Alam. (1991). *Al-Maqasid a-Ammah li al-Shariat al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Zaenal Kling. (2020). *Konsep Wasatiyyah Perspektif Sains Social*. Konvensyen Wasatiyyah Sampena Satu Milenium Nusantara. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.